

## Kentalkan jiwa remaja bermasalah

**ragam & pengajaran**

Oleh **HASHNAN ABDULLAH**  
agama@utusan.com.my

**G**EJALA sosial dalam kalangan lelaki mahupun perempuan bagaikan cerita yang tiada kesudahan. Ini kerana mangsa terbaharu gejala itu akan muncul setiap masa, tidak kiralah sama ada secara sukarela atau paksaan pihak tertentu.

Latar kisah itu turut dimeriahkan oleh mangsa-mangsa yang pernah ditangkap oleh pihak berkuasa dan dihantar ke pusat pemulihan. Mereka itu dikategorikan sebagai golongan tegar.

Namun begitu, bagi pakar psikologi Islam, **Prof. Madya Dr. Fariza Md. Sham** tidak melihat situasi itu sebagai penamat atau pihak berkuasa perlu mengangkat bendera putih.

Tegas Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu, kajian lapangan dan juga temu bual dengan remaja berkenaan menunjukkan bahawa potensi untuk diselamatkan masih ada ruangnya.

"Berdasarkan kajian saya bersama seorang rakan berkaitan gaya hidup remaja 2014 menunjukkan bahawa ada kalangan remaja lelaki atau perempuan yang berjaya menangani cabaran sedemikian.

"Mereka hidup dalam keadaan sosioekonomi dan budaya yang teruk seperti ibu bapa sibuk dengan kerjaya, ahli keluarga terlibat dalam kegiatan tidak bermoral, ajaran sesat, kejiranan penuh dengan jenayah dan kurang penghayatan agama," katanya pada persidangan Meja Bulat Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam Siri 2/2017 di Putrajaya, baru-baru ini.

Persidangan sehari yang



ANTARA peserta yang hadir pada Persidangan Meja Bulat Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam Siri 2/2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya, baru-baru ini.



**WAN ZARINA  
WAN SALLEH**



**ZAMIAH @ ZAMIAN  
PARMAN**

memfokuskan kepada tajuk *"Pembangunan Insan Wanita di Pusat Pemulihan dan Perlindungan"* itu dianjurkan oleh Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI).

Ahli panel lain yang terlibat ialah Pengarah Bahagian Kaunseling dan Psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), **Wan Zarina Wan Salleh**; Pengarah Jabatan Penjara Wanita Kajang, **Zamiah @ Zamian Parman** dan Pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Datin Prof. Dr. Raihanah Abdullah.

Mengulas lanjut, Fariza berkata, antara cadangannya adalah memberi tumpuan kepada pendekatan psikologi secara berterusan supaya jiwa mereka menjadi lebih kental untuk menangani cabaran sedemikian.

"Pendekatan ini mampu menyedarkan remaja berkenaan bahawa kita memahami apa yang sedang dihadapinya dan sentiasa memberi sokongan agar

mereka berubah.

"Pendekatan psikologi berteraskan dakwah dengan memberi tumpuan kepada bimbingan jiwa, penasihat, layanan emosi, kasih sayang, motivasi dan *tazkiyah al-Nafs*," katanya.

Dalam masa sama, Wan Zarina berkata, remaja berkenaan perlu disedarkan bahawa proses pemulihan dan bimbingan agama tidak terhenti selepas mereka keluar dari pusat pemulihan atau penjara.

Proses itu seharusnya diteruskan sama ada melalui bimbingan guru-guru agama di masjid atau mengunjungi pusat tarbiyah Majlis Agama Islam Negeri.

Selain itu, remaja berkenaan juga perlu sedar bahawa perubahan yang dialaminya itu mungkin tidak disukai atau dipandang remeh oleh sebilangan anggota masyarakat, termasuk ahli keluarga sendiri.

Lebih teruk lagi, terdapat kalangan ibu bapa menganggap pusat-pusat pemulihan sebagai tempat transit tanpa rasa ada kekesalan apa yang berlaku ke atas anak mereka.

"Antara masalah utama remaja yang keluar dari pusat pemulihan adalah ada kalangan ahli keluarga mereka yang tidak berubah

atau ada yang tidak rasa bersalah melakukan kegiatan haram itu.

"Malah, ada juga kalangan remaja itu menganggap pusat pemulihan sebagai transit sahaja dan menganggap kegiatan haram sebagai sumber untuk mereka hidup mewah," katanya.

Selaras dengan keadaan itulah, Zamiah menolak tanggapan bahawa institusi penjara sebagai tempat tahanan yang menyeronokkan.

Jelas beliau, program pemulihan di penjara menekankan aspek pembinaan semula sahsiah, sikap dan tingkah laku mereka.

"Selain itu, kami turut berusaha menjadikan kawasan persekitaran penjara lebih kondusif supaya program pemulihan itu mampu memantapkan jiwa mereka bila tamat tempoh tahanan," katanya.



**FARIZA  
MD SHAM**